

09 AUG 2003

Sukan-bola sepak (Play off Liga Super)

SELANGOR PUBLIC BANK MARA PUSINGAN KEDUA LIGA SUPER

JOHOR BAHRU, 9 Ogos (Bernama) -- Selangor Public Bank merencanakan impian Johor untuk ke pusingan kedua walaupun mencatatkan keputusan seri 3-3 pada perlawanan di Stadium Larkin di sini malam ini.

Selangor Public Bank layak dengan agregate 6-4. Sebelum ini pada perlawanan pertama Selangor Public Bank menewaskan Johor 3-1 di Stadium Perbandaran Selayang Rabu lepas.

Malam ini Johor menerima hukuman setelah pemain pertahanannya Mohd Riduan Maon menjatuhkan Ivan Ziga di dalam kotak penalti pada minit ke-36 memberi peluang kepada Milan Strelec yang mengambil sepakan penalti membuat jaringan.

Johor semakin sengsara apabila Selangor Public Bank sekali lagi menjaringkan gol pada minit ke-42 menerusi Ivan yang membuat sepakan kencang sambil berlari berjaya mengelirukan penjaga gol Johor Zamri Mat Ariff.

Tidak cukup dengan itu Milan sekali lagi menjaringkan gol ketiga setelah menerima hantaran daripada Ziga pada minit ke-50 dan enam minit selepas itu Johor membuat jaringan menerusi tandukan pemain gantian P.Gunasekaran.

Johor bangkit agak lewat untuk mengubah nasib walaupun Mohd Farid Ideris berjaya menghasilkan gol kedua pada minit ke-73 dan Juric Ante berjaya menyamakan kedudukan pada minit ke-90 namun kedudukannya masih lagi ketinggalan dari segi agregate.

Di MELAKA, Telekom Melaka tersingkir daripada saingan Liga Super apabila kecundang 0-1 kepada Sarawak di stadium Hang Tuah.

Sarawak memperolehi gol pada minit ke-23 menerusi Sopian Wahid yang berjaya menanduk bola hantaran Ramos Sari untuk memberikan kelebihan agregat 4-1.

Permainan selepas itu menyaksikan dalam keadaan tegang di mana seorang pemain Telekom Melaka diperintah keluar padang setelah dilayangkan kad merah oleh pengadil perlawanan Mat Lazim Awang Hamat dari Tentera kerana menumbuk Gilbert Cassedy Gawing.

Empat pemain turut dilayangkan kad kuning iaitu dua pemain Telekom Melaka dan dua pemain Sarawak.

Di KOTA BAHARU, Johor FC layak ke Liga Super 2004 selepas menewaskan Kelantan melalui sepakan penalti di Stadium Sultan Mohamed Ke-IV di sini, malam ini.

Walaupun Kelantan mendahului 1-0 sehingga akhir tempoh perlawanan, Johor FC memenangi perlawanan itu melalui sepakan penalti 4-2 selepas kedua-dua pasukan terikat dengan agregat 1-1. Sebelum ini pada perlawanan pertama, Johor FC menewaskan Kelantan dengan 1-0.

Gol melalui sepakan penalti itu dijaringkan oleh Jonathan Ben Angelucci, Ivan Zelic, Idris Abdul Karim dan Mohd Hamzani Omar manakala Kelantan oleh Rozmin Musa dan Mohd Hardi Ahmad.

Sebelum itu Badrul Afzan Razali menyumbat gol pada minit ke-72 melalui sepakan bebas.

Perlawanan malam ini juga terhenti selama lapan minit, pada minit ke-25 selepas seorang pegawai perubatan Johor FC, terpaksa dihantar ke hospital akibat terkena letupan mercun yang dilontarkan penyokong Kelantan.

Dua pemain dari kedua-dua pasukan juga menerima padah apabila menerima kad merah iaitu penjaga gol Kelantan Mohd Shahrizan Ismail dan Idris Abdul Karim dari pasukan pelawat apabila bertumbuk pada minit ke-23 pada tambahan masa.

-- BERNAMA
ZI AZH

09 AUG 2003

Mahathir-Cita-cita

RAKYAT PERLU PUNYAI CITA-CITA BESAR UNTUK DIHORMATI, KATA PERDANA
MENTERI

MELAKA, 9 Ogos (Bernama) -- Rakyat perlu mempunyai cita-cita yang besar dan seterusnya memastikan ia dapat dilaksanakan dengan jaya sekiranya ia hendak dihormati orang lain, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini, malam ini.

Beliau berkata melalui cita-cita itu, ia akan memastikan rakyat di negara ini dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan bangsa lain di dunia.

"Selalu saya jelaskan kenapa kita bina bangunan Menara Berkembar Petronas yang merupakan tertinggi di dunia, untuk membuktikan pada dunia yang kita boleh membina bangunan seumpama itu," katanya ketika berucap pada Jamuan Makan Malam negeri di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC) di Air Keroh, di sini.

Turut hadir ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood, Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam, Menteri-menteri Kabinet, Menteri-menteri Besar dan Ketua-ketua Menteri dan rakyat jelata.

Beliau berkata negeri-negeri lain juga perlu menghormati Melaka, kerana cita-citanya yang besar itu, kerajaannya dapat membangunkan negeri dengan pesat walaupun suatu masa dahulu dikenali sebagai negeri 'the sleepy hollow'.

"Melaka buat jamuan makan malam terbesar (di kawasan lapang di Dataran Sejarah tahun lepas) yang dihadiri seramai 25,000 orang, malam ini jamuan makan malam terbesar di bawah satu bumbung yang dihadiri oleh 12,000 orang," katanya.

Dr Mahathir berkata keupayaan kerajaan Melaka untuk bergerak aktif dalam pembangunan, adalah hasil daripada hubungan rapat rakyatnya yang terdiri daripada pelbagai kaum dalam merealisasikan setiap pembangunan yang dirancang.

"Melaka berubah sejak pemerintahan Barisan Nasional (BN). Negeri-negeri lain yang lebih besar tentu menghormati Melaka kerana cita-citanya yang besar itu," katanya.

Pada majlis itu, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah turut diraikan oleh orang ramai sempena ulangtahun perkahwinannya yang ke-47 pada 6 Ogos lepas dengan acara memotong kek sambil diiringi lagu "Allah Selamatkan Kamu" oleh hadirin.

Di samping itu, Dr Mahathir turut menerima sumbangan derma berjumlah RM1 juta yang didermakan oleh para dermawan di Melaka untuk tabung Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-isteri Menteri (BAKTI) sebanyak RM700,000 dan tabung Badan Amal dan Isteri-isteri Wakil Rakyat Melaka (BISTARI) sebanyak RM300,000.

Pada majlis itu juga, Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah berjaya mengutip sumbangan penderma sebanyak RM100,000 kerana menyanyikan lagu "Tinggi-tinggi Terbang Burung".

Mohd Ali turut menyerahkan sejumlah RM420,000 kepada Perdana Menteri untuk Tabung Kemanusiaan Rakyat Iraq sempena kutipan RM1 bagi setiap rakyat negeri Melaka yang berjaya dikumpul sebanyak RM712,000. Baki kutipan itu telah dihantar lebih dahulu pada tabung berkenaan.

Jamuan itu mendapat pengikhtirafan daripada Malaysia Book of Records sebagai majlis makan malam yang teramai dalam satu bangunan iaitu 12,000

orang. Jamuan itu diakhiri dengan persembahan bunga api selama 10 minit.

-- BERNAMA

SBS NO AZH